

Global Sustainable Tourism Council

Kriteria Industri GSTC

VERSION 3, 21 DECEMBER 2016

Awalan

Kriteria *Global Sustainable Tourism Council* (GSTC) dibuat bagi menyediakan pemahaman umum di seluruh dunia berkenaan “pelancongan mampan”, dan merupakan takat minimum yang patut disasarkan oleh mana-mana perniagaan pelancongan. Kriteria ini disusun mengikut empat tema utama: perancangan kemampanan yang berkesan, memaksimumkan manfaat social dan ekonomi bagi komuniti tempatan, menambah baik warisan kebudayaan, dan mengurangkan impak negative terhadap alam sekitar. Semuanya boleh digunapakai ke atas industri pelancongan secara keseluruhannya.

Kriteria tersebut telah direka dan disemak sambil cuba mengekalkan *Standard-Setting Code of the ISEAL Alliance*, badan yang diiktiraf bagi memberukan panduan berkenaan norma antarabangsa dalam semua sektor. Kriteria disemak setiap 3 ke 5 tahun. Rancangan bagi semakan dan *advance sign-up* untuk input awam bagi semakan di masa hadapan boleh didapati di www.gstccouncil.org. Laman web tersebut juga memberikan maklumat berkenaan proses dan sejarah pembangunan Kriteria.

Sebahagian daripada kegunaan Kriteria ini adalah seperti berikut:

- Berfungsi sebagai asas pensijilan kemampanan
- Berfungsi sebagai garis panduan asas bagi perniagaan-perniagaan dari pelbagai saiz untuk menjadi lebih mampan, dan membantu perniagaan-perniagaan memilih program pelancongan yang memenuhi kriteria global tersebut
- Memberikan akses kepada pasaran yang lebih besar dalam pasaran bagi produk mampan yang semakin berkembang, berfungsi sebagai panduan bagi kedua-dua pelancong dan agensi pelancongan serta bagi agensi-agensi pelancongan memilih pembekal dan program pelancongan yang mampan
- Membantu konsumer mengenalpasti perniagaan dan program pelancongan mampan yang bagus
- Berfungsi sebagai ciri-ciri umum bagi media informasi mengenalpasti penyedia pelancongan mampan

- Membantu pensijilan dan program-program sukarela yang lain dalam memastikan piawaian mereka mencapai takat asas yang diterima umum
- Menawarkan program-program kerajaan, bukan kerajaan dan sektor swasta satu titik permulaan bagi membangunkan keperluan pelancongan mampan
- Berfungsi sebagai garis panduan asas bagi badan-badan pendidikan dan latihan, seperti sekolah hotel dan universiti
- Menunjukkan kepimpinan yang memberikan inspirasi kepada pihak lain untuk bertindak

Kriteria ini menunjukkan *apa* yang perlu dilaksanakan, *bukan bagaimana* untuk melaksanakannya atau sama ada sasaran telah dicapai. Peranan ini dipenuhi oleh penunjuk prestasi, bahan pendidikan yang berkaitan, dan akses kepada alatan implementasi, yang mana kesemuanya merupakan pelengkap yang amat diperlukan bagi Kriteria GSTC.

Penggunaan Kriteria

Adalah dicadangkan supaya semua kriteria digunakan ke takat praktikal yang tertinggi, melainkan bagi situasi tertentu di mana kriteria tersebut tidak dapat digunakan dan wajar. Mungkin terdapat keadaan di mana sesuatu kriteria tidak dapat digunakan ke atas produk pelancongan tertentu, bergantung kepada peraturan tempatan, keadaan alam sekitar, sosial ekonomi atau kebudayaan. Dalam kes perniagaan pelancongan mikro dan milikan komuniti yang mempunyai jejak sosial, ekonomi dan alam sekitar yang kecil, adalah diiktiraf bahawa sumber yang terhad boleh menghalang digunakan secara menyeluruh kesemua kriteria. Panduan selanjutnya berkenaan kriteria-kriteria ini boleh didapati dari penunjuk-penunjuk sokongan dan glosari, yang diterbitkan oleh GSTC.

KRITERIA INDUSTRI GSTC

SEKSYEN A: Tunjukkan pengurusan mampan yang berkesan

A1 Sistem pengurusan kemapanan

Organisasi berkenaan telah melaksanakan satu sistem pengurusan kemapanan berjangka masa panjang yang bersesuaian dengan saiz dan skopnya, menyelesaikan isu-isu alam sekitar, sosial, budaya, ekonomik, kualiti, hak-hak manusia, kesihatan, keselamatan, pengurusan risiko dan krisis, dan memacu peningkatan secara berterusan.

A2 Pematuhan undang-undang

Organisasi berkenaan mematuhi kesemua undang-undang dan peraturan tempatan, kebangsaan dan antarabangsa yang berkaitan termasuklah antaranya, aspek-aspek kesihatan, keselamatan, tenaga kerja dan alam sekitar.

A3 Laporan dan komunikasi

Organisasi berkenaan melaporkan polisi kemapanan, tindakan dan prestasinya kepada pihak-pihak berkepentingan, termasuklah para pelanggan, dan berusaha untuk mendapatkan sokongan mereka.

A4 Penglibatan pekerja

Para pekerja terlibat dengan pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan kemapanan serta menerima panduan dan latihan berkala berkenaan peranan dan tanggungjawab mereka dalam pelaksanaannya.

A5 Pengalaman pelanggan

Kepuasan pelanggan, termasuk aspek kemapanan, adalah diperhatikan dan langkah pembetulan diambil.

A6 Promosi yang tepat

Bahan-bahan promosi dan komunikasi-komunikasi pemasaran yang berkaitan dengan organisasi berkenaan dan produk-produk dan perkhidmatannya adalah tepat dan telus, termasuklah dakwaan keamanan. Mereka tidak menjanjikan lebih daripada yang ditawarkan.

A7 Bangunan dan infrastruktur

Perancangan, lokasi, perekaan, pembinaan, pengubahsuaian, pengendalian dan perobohan bangunan-bangunan dan infrastruktur...

A7.1 Pematuhan

...mematuhi keperluan pengezonan dan undang-undang yang berkaitan dengan kawasan-kawasan terpelihara dan sensitif, dan kepada pertimbangan kebudayaan.

A7.2 Impak dan integriti

...mengambil kira kapasiti dan integriti alam sekitar dan kebudayaan sekitarnya.

A7.3 Amalan dan bahan mampan

...menggunakan amalan dan bahan-bahan mampan tempatan yang bersesuaian.

A7.4 Akses bagi semua

...memberikan akses dan maklumat kepada orang perseorangan yang mempunyai keperluan khas, di mana sesuai.

A8 Hak-hak tanah, air dan harta

Pengambilalihan tanah, air dan harta oleh organisasi berkenaan adalah sah, mematuhi hak-hak tempatan, komuniti dan asli, termasuklah persetujuan mereka secara bebas, sebelumnya dan termaklum, dan tidak memerlukan penempatan semula tanpa rela.

A9 Maklumat dan interpretasi

Organisasi memberikan maklumat dan interpretasi berkenaan alam semula jadi sekitarnya, budaya tempatan, dan warisan kebudayaan, serta penjelasan tingkah laku bersesuaian semasa melawat kawasan-kawasan alam semula jadi, budaya hidup, dan tapak-tapak warisan kebudayaan.

A10 Penglibatan destinasi

Organisasi berkenaan terlibat dengan perancangan dan pengurusan pelancongan mampan di kawasan destinasi, di mana peluang tersebut wujud.

SEKSYEN B: Memaksimumkan manfaat sosial dan ekonomik kepada komuniti tempatan dan mengurangkan impak negatif

B1 Sokongan komuniti

Organisasi berkenaan menyokong secara aktif inisiatif-inisiatif bagi pembangunan infrastruktur dan komuniti sosial tempatan. Contoh inisiatif termasuklah pendidikan, latihan, kesihatan dan sanitasi dan projek-projek berkaitan impak perubahan cuaca.

B2 Pekerjaan tempatan

Penduduk tempatan diberikan peluang sama rata bagi pekerjaan dan peningkatan, termasuklah di posisi pengurusan.

B3 Pembelian tempatan

Semasa membeli dan menawarkan barangan dan perkhidmatan, organisasi berkenaan memberikan kepentingan kepada pembekal tempatan dan dagangan saksama di mana ia ada dan dalam kualiti yang mencukupi.

B4 Usahawan tempatan

Organisasi berkenaan menyokong usahawan tempatan dalam pembangunan dan penjualan produk dan perkhidmatan mampan yang berasaskan alam sekitar, sejarah dan budaya kawasan tersebut.

B5 Eksploitasi dan gangguan

Organisasi berkenaan telah melaksanakan satu polisi terhadap eksploitasi komersil, seksual atau sebarang bentuk eksploitasi atau gangguan, terutamanya terhadap kanak-kanak, remaja, wanita, golongan minoriti dan golongan-golongan terdedah yang lain.

B6 Peluang sama rata

Organisasi berkenaan menawarkan peluang pekerjaan, termasuk di posisi pengurusan, tanpa diskriminasi jantina, bangsa, agama, kecacatan atau sebarang bentuk yang lain.

B7 Kerja yang bersesuaian

Hak pekerja dihormati, persekitaran kerja yang selamat disediakan dan para pekerja dibayar sekurang-kurangnya gaji sara hidup. Para pekerja ditawarkan latihan, pengalaman dan peluang untuk peningkatkan.

B8 Khidmat komuniti

Aktiviti-aktiviti organisasi tidak menjejaskan penyediaan khidmat-khidmat asas, seperti makanan, air, tenaga, penjagaan kesihatan atau sanitasi, kepada komuniti-komuniti sekitarnya.

B9 Mata pencarian tempatan

Aktiviti-aktiviti organisasi tidak menjejaskan akses tempatan kepada mata pencarian termasuklah penggunaan sumber tanah dan akuatik, hak laluan, pengangkutan dan perumahan.

SEKSYEN C: Memaksimumkan manfaat kepada warisan kebudayaan dan mengurangkan impak negatif**C1 Interaksi kebudayaan**

Organisasi berkenaan mengikut amalan baik antarabangsa dan kebangsaan serta panduan yang dipersetujui tempatan bagi pengurusan dan promosi lawatan ke komuniti-komuniti asli dan tapak-tapak yang sensitif dari segi budaya atau sejarah bagi mengurangkan kesan buruk dan memaksimumkan manfaat tempatan serta kepuasan pelawat.

C2 Melindungi warisan kebudayaan

Organisasi berkenaan menyumbang kepada perlindungan, pemeliharaan dan peningkatan hartanah, tapak dan tradisi tempatan yang memiliki kepentingan sejarah, arkeologi, kebudayaan dan rohani, dan tidak menghalang akses kepadanya oleh penduduk tempatan.

C3 Mempersembahkan budaya dan warisan

Organisasi berkenaan mementingkan dan menggabungkan elemen budaya tempatan dan kontemporari yang sah dalam operasinya, rekaan, hiasan, makanan, atau kedai, sambil menghormati hak milikan intelektual komuniti-komuniti tempatan.

C4 Artifak

Artifak-artifak sejarah dan arkeologi tidak dijual, ditukar ganti atau dipamerkan, kecuali dibenarkan oleh undang-undang tempatan dan antarabangsa.

SEKSYEN D: Memaksimumkan manfaat kepada alam sekitar dan mengurangkan impak negatif

D1 Memulihara sumber

D1.1 Pembelian yang lebih mementingkan alam sekitar

Polisi pembelian mementingkan pembekal dan produk yang mampan secara alam sekitar, termasuklah barangan modal, makanan, minuman, bahan bangunan dan barangan guna habis.

D1.2 Pembelian efisien

Organisasi berkenaan menguruskan dengan teliti pembelian barangan guna pakai dan barangan boleh guna, termasuklah makanan, bagi mengurangkan pembaziran.

D1.3 Pemuliharaan tenaga

Penggunaan tenaga diukur mengikut jenis dan langkah-langkah diambil bagi mengurangkan penggunaan keseluruhan. Organisasi berkenaan berusaha untuk meningkatkan penggunaan tenaga yang boleh diperbaharui.

D1.4 Pemuliharaan air

Risiko air dinilai, penggunaan air diukur mengikut jenis, dan langkah-langkah diambil bagi mengurangkan penggunaan keseluruhan. Pencarian sumber air adalah mampan dan tidak memberikan kesan buruk terhadap aliran alam sekitar. Di kawasan-kawasan yang mempunyai risiko air tinggi, matlamat pengurusan air berdasarkan konteks dikenal pasti dan disasarkan.

D2 Mengurangkan pencemaran

D2.1 Pelepasan gas rumah hijau

Pelepasan gas rumah hijau yang ketara dari semua sumber yang dikawal oleh organisasi

berkenaan dikenal pasti, dikira di mana mungkin dan prosedur-prosedur dilaksanakan bagi mengelakkan atau mengurangkannya. Pengimbangan pelepasan yang masih tinggal oleh organisasi adalah digalakkan.



D2.2 Pengangkutan

Organisasi cuba untuk mengurangkan keperluan pengangkutan dan menggalakkan secara aktif penggunaan alternatif yang lebih bersih dan lebih efisien oleh para pelanggan, pekerja, pembekal dan dalam operasinya sendiri.

D2.3 Air sisa

Air sisa, termasuk *grey water*, dirawat dengan berkesan dan hanya diguna semula atau dilepaskan dengan selamat, tanpa sebarang kesan buruk kepada populasi tempatan atau alam sekitar.

D2.4 Sisa pejal

Sisa, termasuk sisa makanan, diukur, mekanisme disediakan bagi mengurangkan sisa dan, di mana pengurangan adalah mustahil, bagi mengguna semula atau mengitar semula sisa berkenaan. Sebarang pelupusan sisa mestilah tidak memberi kesan buruk kepada populasi tempatan atau alam sekitar.

D2.5 Bahan berbahaya

Penggunaan bahan berbahaya, termasuklah racun perosak, cat, disinfektan kolam renang, dan bahan pencuci, adalah dikurangkan, dan digantikan bila boleh dengan barangan atau proses yang tidak berbahaya. Sebarang penyimpanan, penggunaan, pengendalian, dan pelupusan hendaklah diuruskan dengan sebaiknya.

D2.6 Mengurangkan pencemaran

Organisasi berkenaan melaksanakan amalan-amalan bagi mengurangkan pencemaran bunyi, cahaya, larian, hakisan, bahan penipis ozon, dan pencemar udara, air dan tanah.

D3 Memulihara biodiversiti, ekosistem dan landskap**D3.1 Pemuliharaan biodiversiti**

Organisasi menyokong dan menyumbang kepada pemuliharaan biodiversiti, termasuk melalui pengurusan bersesuaian hartanahnya sendiri. Perhatian khusus diberikan kepada kawasan-kawasan semula jadi terlindung dan kawasan-kawasan yang memiliki nilai biodiversiti yang tinggi. Sebarang gangguan ekosistem semula jadi dikurangkan, dipulihkan dan terdapat sumbangan pampasan kepada pengurusan pemuliharaan.

D3.2 Spesies invasif

Organisasi berkenaan mengambil langkah bagi mengelakkan kemasukan spesies invasif. Spesies asal digunakan bagi tujuan landskap dan pemulihan di mana mungkin, terutamanya di lokasi landskap semula jadi. d

D3.3 Lawatan ke tapak semula jadi

Organisasi menuruti garis panduan yang bersesuaian bagi pengurusan dan promosi lawatan ke tapak semula jadi bagi mengurangkan kesan buruk dan memaksimumkan kepuasan pelawat.

D3.4 Interaksi hidupan liar

Interaksi dengan hidupan liar yang bebas berkeliaran, dengan mengambil kira kesan kumulatif, adalah tidak invasif dan diuruskan secara bertanggungjawab bagi mengelakkan kesan buruk kepada haiwan yang berkenaan dan kepada daya maju dan tingkah laku populasi liar.

D3.5 Kebajikan haiwan

Tiada spesies hidupan liar diperolehi, ditenak atau dikurung, kecuali oleh pihak yang bertauliah dan berkelengkapan sesuai dan bagi aktiviti-aktiviti yang dikawal selia dengan sepatutnya selaras dengan undang-undang tempatan dan antarabangsa. Penempatan, penjagaan dan pengendalian semua haiwan liar dan domestik menepati piawaian kebajikan haiwan yang tertinggi.

D3.6 Penuaian hidupan liar dan dagangan

Hidupan liar tidak dituai, dimakan, dipamerkan, dijual, atau didagangkan, kecuali sebagai sebahagian daripada aktiviti yang dikawal selia, yang memastikan penggunaan mereka adalah mampan, dan selaras dengan undang-undang tempatan dan antarabangsa.

